| RNRB | Rangkaian neural rambatan balik |
| STC | Sistem tutoran cerdas |

SENARAI ISTILAH

| | |
|---|--|
| Alkhwarizmi | <i>Algorithm</i> |
| Anggaran | <i>Approximate</i> |
| Aras input | <i>Input layer</i> |
| Aras output | <i>Output layer</i> |
| Aras tersembunyi | <i>Hidden layer</i> |
| Atribut yang terkeluar | <i>Disposable attribute</i> |
| Baris gilir prestasi berselang boleh ubah | <i>Variable interval performance queuing</i> |
| Corak kesahan | <i>Verification pattern</i> |
| Corak latihan | <i>Training pattern</i> |
| Corak pengujian | <i>Testing pattern</i> |
| Enjin taabir | <i>Inference engine</i> |
| Fasa latihan | <i>Training phase</i> |
| Fasa pengujian | <i>Testing phase</i> |
| Fungsi pengaktifan | <i>Activation function</i> |
| Ingatan kalis sekutuan | <i>Associative memory</i> |
| Kadar pembelajaran | <i>Learning rate</i> |
| Kaedah pembelajaran berdasarkan inkuiri | <i>Inquiry-based learning method</i> |
| Kaedah pepijat | <i>Bug/buggy method</i> |
| Kaedah tindanan | <i>Overlay method</i> |
| Kelas kesetaraan | <i>Equivalence class</i> |
| Kesandaran bersyarat | <i>Conditional dependencies</i> |
| Ketaktekalan | <i>Inconsistency</i> |
| Ketekalan | <i>Consistency</i> |
| Ketidakpastian | <i>Uncertainty</i> |
| Komposisi hasil tambah dan darab | <i>Sum-product composition method</i> |
| Litup | <i>Cover</i> |
| Logik kabur | <i>Fuzzy logic</i> |
| Minimum tempatan | <i>Local minimum</i> |
| Model Domain | <i>Domain model</i> |

| | |
|--------------------------------------|---|
| Pangkalan pengetahuan | <i>Knowledge base</i> |
| Pembelajaran berasaskan penyiasatan | <i>Inquiry-based learning</i> |
| Pembelajaran koperatif | <i>Cooperative learning</i> |
| Pembelajaran penemuan | <i>Discovery learning</i> |
| Pembelajaran penguasaan | <i>Mastery learning</i> |
| Pembelajaran seliaan | <i>Supervised learning</i> |
| Pemetakan kabur | <i>Fuzzy partition</i> |
| Penaakulan | <i>Reasoning</i> |
| Pengajaran bantuan komputer | <i>Computer-aided instruction (CAI)</i> |
| Pengecaman corak | <i>Pattern recognition</i> |
| Pengesanan model | <i>Model Tracing</i> |
| Penghampiran atas | <i>Upper approximation</i> |
| Penghampiran bawah | <i>Lower approximation</i> |
| Pengkelasan yang tidak boleh beza | <i>Indiscernibility class</i> |
| Pengurangan kecerunan | <i>Gradient descent</i> |
| Peraturan delta | <i>Delta rule</i> |
| Petua | <i>Rule</i> |
| Petua kabur | <i>Fuzzy rule</i> |
| Petua keputusan | <i>Decision rule</i> |
| Pincang | <i>Bias</i> |
| Purata pemberat | <i>Weighted average (WA)</i> |
| Pusat kawasan | <i>Center of area (COA)</i> |
| Rambatan balik | <i>Back propagation</i> |
| Rangkaian neural | <i>Neural Network</i> |
| Secara berketentuan | <i>Deterministically</i> |
| Selang | <i>Interval</i> |
| Sempadan kawasan | <i>Boundary region</i> |
| Sistem cerdas berasaskan pengetahuan | <i>Intelligent knowledge-based system</i> |
| Sistem Pakar | <i>Expert systems</i> |
| Sistem pembelajaran cerdas | <i>Intelligent tutoring system</i> |
| Sistem pengajaran | <i>Instructional system</i> |

| | |
|-----------------------------|--|
| Sistem pengajaran kecekapan | <i>Competency instructional system</i> |
| Sistem Tutoran Cerdas (STC) | <i>Intelligent Tutoring System (ITS)</i> |
| Taakulan sah | <i>Valid reasoning</i> |
| Teknologi sistem pengajaran | <i>Instructional system technology</i> |
| Tepat | <i>Exact</i> |

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran telah menjadi salah satu agenda utama negara dalam usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Ini memberikan satu cabaran kepada sistem pendidikan supaya beralih kepada penggunaan secara maksimum potensi teknologi maklumat yang menjadi tunjang kepada pembangunan era maklumat.

Penggunaan teknologi khususnya teknologi maklumat yang menyeluruh dalam semua aktiviti yang mungkin, adalah perlu dan tidak dapat dielakkan. Dalam konteks institusi pengajian tinggi yang sering menghadapi masalah kekurangan pensyarah, sedangkan bilangan pelajar pula semakin ramai dari tahun ke setahun, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi dalam sistem pengajaran, pembelajaran dan pentadbiran amat diperlukan.

Sistem pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer (PPBK) merupakan suatu aplikasi penggunaan komputer yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Siti Fatimah (1998) menyatakan antara kelebihan sistem PPBK ini ialah pelajar dapat melakukan proses pembelajaran di luar waktu perkuliahan tanpa perlu menunggu kehadiran pengajar. Dengan adanya sistem PPBK ini, peranan pelajar dan pengajar telah mulai berubah. Pelajar bertanggungjawab dalam merancang dan mengawal proses pembelajaran mereka, manakala pengajar berperanan sebagai fasilitator yang membimbang dan memberi motivasi serta menjadi pemangkin dalam proses pembelajaran pelajar.

1.2 KAJIAN LATAR BELAKANG

Walaupun aplikasi PPBK dikatakan telah membantu proses pengajaran dan pembelajaran, Beck dan rakan-rakannya (1996) berpendapat, kebanyakan aplikasi PPBK ini tidak memberi perhatian secara individu kepada pelajar seperti yang boleh diberikan oleh seseorang tenaga pengajar. Bahan-bahan penyampaian dan soalan yang dikemukakan kepada pelajar adalah sama untuk setiap pelajar dan tidak mengambil kira kemampuan pelajar yang berbeza. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar mudah menjadi bosan serta boleh menghafal soalan-soalan yang dikemukakan. Ini mengakibatkan proses pembelajaran menjadi tidak berkesan.

Untuk memberi perhatian secara individu atau satu-ke-satu kepada pelajar, Beck et al. (1996) menyarankan supaya sistem PPBK perlu mampu menaksir dan mentaabir pelajar tersebut. Oleh itu, sistem PPBK perlulah mempunyai ciri-ciri kecerdasan yang dapat memahami setiap individu pelajar. Sistem sebegini yang mempunyai elemen-elemen kecerdasan ini disebut sebagai sistem tutoran cerdas (STC).

Menurut Beck et al. (1996) dan Murray (1999), STC adalah suatu sistem pengajaran bantuan komputer yang akan mendapatkan maklumat mengenai pelajar dan menyesuaikan kandungan dan strategi pengajaran mengikut kesesuaian pelajar. Untuk melaksanakan yang demikian, sistem perlulah berupaya mentaabir pelajar. Holt et al. (1993) menyatakan bahawa komponen yang mewakili kepercayaan sistem mengenai pelajar dalam STC adalah model pelajar. Menurut Ong dan Ramachandran (2000) pula, matlamat utama STC adalah untuk menyediakan arahan secara satu-ke-satu kepada pelajar. Ini dilaksanakan dengan cara memperoleh setiap tindakan pelajar melalui interaksi antara sistem dengan pelajar sambil membina satu model pelajar mengenai pengetahuan, skil dan kemahiran mereka.

Sementara itu, pentaksiran pembelajaran pelajar merupakan suatu perkara yang penting dalam pendidikan. Kubiszyn dan Borich (1996) telah menakrifkan pentaksiran pembelajaran pelajar sebagai suatu proses pengumpulan data-data pembelajaran pelajar untuk tujuan mengenalpasti masalah pembelajaran pelajar, serta

untuk membuat keputusan mengenai pelajar. Shambaugh dan Magliaro (1997) pula menyatakan bahawa pentaksiran pembelajaran pelajar boleh dilaksanakan atas pelbagai tujuan, seperti untuk mengesan penguasaan pelajar, mengesan kemajuan, menentukan penempatan, mengesan kelemahan pelajar (diagnosis), memberi gred, membuat klasifikasi, pensijilan dan pemilihan. Dalam pada itu, setiap tujuan pentaksiran pelajar perlu mempunyai kaedah pengukuran dan atribut yang sesuai untuk menghasilkan keputusan pentaksiran yang sahih serta boleh dipercayai.

Sebagai contoh, pentaksiran untuk mengesan prestasi pembelajaran pelajar apabila dilaksanakan dengan sahih dan betul boleh memberi manfaat kepada pelajar serta pengajar. Antara kebaikannya ialah pelajar dapat mengetahui kedudukan pencapaiannya dan akan berusaha untuk meningkatkan prestasi pembelajarannya secara kawalan kendiri. Dalam pada itu, pengajar juga boleh mengetahui prestasi pencapaian pelajarnya serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini beliau dapat memperbaiki strategi penyampaian bahan-bahan pengajaran dan merancang tindakan susulan seperti menyediakan bahan-bahan pengkayaan, pengukuhan atau bahan pemulihan yang bersesuaian dengan keadaan pelajar.

Dengan demikian, pentaksiran pelajar juga menjadi aktiviti yang penting dalam model pelajar. Dalam kajian-kajian lepas, pentaksiran pelajar banyak dilakukan untuk tujuan diagnosis yang melibatkan proses mengesan tindakan pembelajaran pelajar dan pembinaan model pelajar yang menyatakan keadaan dan status terkini pembelajaran pelajar (Elsom-Cook 1990; van Merriënboer et al. 1993; Ragnemalm 1995; Beck et al. 1997; Serengul 1998; Katz et al. 1993). Selain dari untuk tujuan diagnosis, pentaksiran dalam STC juga dilakukan untuk tujuan memberi gred (Bergeron et al. 1989), membuat klasifikasi (Chiu et al. 1991), mengesan prestasi pelajar (Katz et al. 1993; Harp et al. 1995; Beck et al. 1997), dan mengukur tahap pengetahuan pelajar (Gurer et al. 1995; Martin & VanLehn 1995; Panagiotou & Grigoriadou 1995; Xu 2002)

Secara umumnya, pentaksiran dalam STC melibatkan operasi mengumpul data pelajar, menterjemahnya ke bentuk maklumat yang dikehendaki sistem (untuk

membolehkan sistem mengenali pelajar), dan seterusnya memberikan tindak balas yang bersesuaian dengan hasil pentaksiran tersebut.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Proses pentaksiran pembelajaran pelajar dalam STC merupakan suatu aktiviti yang mencabar. Secara tradisinya, kaedah statistik boleh digunakan untuk mentaksir prestasi pelajar (Sulaiman 1991; Kubiszyn & Borich 1996), namun dalam konteks STC, pentaksiran pembelajaran pelajar adalah lebih rumit terutamanya apabila melibatkan banyak atribut dan pelbagai skil. Ini adalah kerana, tingkah laku dan reaksi pembelajaran pelajar adalah sukar untuk diramal dan adalah tidak mudah untuk membina petua yang dapat membuat keputusan dengan jelas mengenai pelajar (Harp 1995; Ragnemalm 1995; Tchetagni & Nkambou 2002). Justeru itu, para penyelidik seperti Barr dan Feigenbaum (1982), Sison dan Shimura (1998) serta Murray (1999) telah menyarankan supaya menggunakan teknik kecerdasan buatan, terutamanya dalam bidang pembelajaran mesin, untuk membuat pentaksiran terhadap pembelajaran pelajar.

Daripada pemerhatian kajian yang lalu, pendekatan pembelajaran mesin yang digunakan untuk mentaksir pelajar dalam STC adalah sistem pakar (Barr & Feigenbaum 1982; McArthur 1988; Lesgold et al. 1993), rangkaian neural (Chiu et al. 1991; Harp et al. 1995), logik kabur (Katz et al. 1993; Panagiotou 1995; Jameson 1996; Beck 1997; Huang 1997; Chang 2001; Xu 2002) dan teori set kasar (Wang & Hung 2001). Didapati, setiap pendekatan ini mempunyai kebaikan dan kelemahan yang tersendiri. Dalam pada itu, terdapat sedikit kajian yang telah menggunakan pendekatan hibrid iaitu yang menggabungkan beberapa pendekatan pembelajaran mesin seperti sistem pakar dengan rangkaian neural (Chiu et al. 1991; Prentzas et al. 1999), dan menggabungkan rangkaian neural dengan logik kabur (Mullier 1999; Stathacopoulo et al. 1999).

Namun, masih belum ada penyelidik yang menggabungkan teori set kasar dengan teknik kecerdasan buatan yang lain untuk mentaksir pelajar dalam STC. Ini memberi ruang kepada penyelidikan ini untuk melihat keberkesanan gabungan

pendekatan pembelajaran mesin yang melibatkan teknik logik kabur, rangkaian neural rambatan balik, dan teori set kasar untuk menangani permasalahan dalam pentaksiran pembelajaran pelajar.

Kebanyakan kajian penyelidik (Chiu et al. 1991; Katz et al. 1993; Gurer et al. 1995; Panagiotou 1995; Harp 1995; Huang 1997; Mullier 1999; Xu 2002; Wang & Hung 2001) cuba mengenali pelajar menerusi corak pembelajaran pelajar yang diperolehi daripada data-data sebenar pembelajaran pelajar, dan hanya segelintir (Barr & Feigenbaum 1982; McArthur et al. 1988; Lesgold et al. 1993) memfokuskan kepada keputusan dan kriteria yang ditetapkan oleh pakar domain. Dengan demikian, penyelidikan ini cuba memberi tumpuan kepada perolehan pengetahuan pakar domain mengenai pengalaman dan maklumat mereka tentang pembelajaran pelajar dengan membentuk suatu pangkalan pengetahuan pakar dan kemudian menguji keberkesanan pangkalan pengetahuan pakar ini dengan segala kemungkinan data-data pembelajaran pelajar.

1.4 **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk memperoleh suatu model pentaksiran pembelajaran pelajar menggunakan pendekatan hibrid, yang menggabungkan tiga teknik kecerdasan buatan iaitu teknik logik kabur, rangkaian neural rambatan balik dan teori set kasar, untuk membina pangkalan pengetahuan pakar yang ringkas dan pendek yang berupaya mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran pelajar seperti yang telah ditentukan oleh pakar domain bagi mata pelajaran Teknik Pengaturcaraan I secara latih tubi.

Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini telah melalui tiga proses utama iaitu:

- a. Mengkaji dan menentukan bagaimana teknik logik kabur boleh digunakan untuk mentaksir pembelajaran pelajar dan seterusnya mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran seperti yang ditentukan oleh pakar domain.

- b. Mengkaji dan menentukan keberkesanan pendekatan hibrid, yang dinamakan kaedah kabur-neural rambatan balik (KNRB), iaitu gabungan teknik logik kabur dan rangkaian neural rambatan balik, untuk menjana suatu pangkalan pengetahuan pakar yang lengkap (PPPL) yang dapat mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran seperti yang ditentukan oleh pakar domain.
- c. Mengkaji dan menentukan keberkesanan pendekatan hibrid yang dinamakan kaedah kabur-kasar (KK), iaitu gabungan teknik logik kabur dan teori set kasar, untuk menghasilkan suatu pangkalan pengetahuan pakar yang lebih ringkas (PPPR) yang dapat mentaksir dan mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran seperti yang ditentukan oleh pakar domain.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada skop-skop berikut:

- a. Kajian ini menumpukan kepada pembelajaran penguasaan sebagai kaedah pembelajaran pelajar dengan latih tubi sebagai strategi pengajarannya.
- b. Kajian ini memilih mata pelajaran Teknik Pengaturcaraan I yang memfokuskan kepada bahasa pengaturcaraan C sebagai domain mata pelajaran yang diajar kepada pelajar. Mata pelajaran ini dipilih memandangkan ia adalah mata pelajaran asas dalam pengaturcaraan berkomputer bagi pelajar-pelajar yang mengambil jurusan Sains Komputer dan bukan Sains Komputer di Universiti Teknologi Malaysia.
- c. Kajian ini memilih 7 orang pensyarah daripada Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi Malaysia yang berpengalaman dalam pengajaran pengajaran mata pelajaran teknik pengaturcaraan I atau yang berpengalaman dalam bidang psikologi pendidikan sebagai pakar domain mata pelajaran untuk menentukan kriteria dan petua pembelajaran pelajar. Pensyarah berpengalaman dalam kajian ini adalah pensyarah-pensyarah yang telah mengajar mata pelajaran teknik pengaturcaraan 1 melebihi 3 kali serta yang telah berkhidmat selama lebih 10 tahun atau telah memperoleh ijazah Doktor Falsafah, atau mempunyai pangkat Profesor Madya dan ke atas.

- d. Kajian ini menumpukan kepada empat faktor tingkah laku pembelajaran pelajar (iaitu purata markah, purata masa, purata cubaan dan purata bantuan) dan dua keputusan output (iaitu tahap penguasaan dan tahap kecekapan).
- e. Kajian ini mentaksir pembelajaran pelajar dengan mengkelaskannya kepada dua output iaitu tahap penguasaan pelajar dan tahap kecekapan pelajar. Pentaksiran terhadap tahap penguasaan pembelajaran pelajar ditakrif sebagai mengukur prestasi pelajar dalam mencapai objektif pembelajarannya dengan berdasarkan kepada aras keupayaan kognitif taksonomi Bloom (Bloom et al. 1971), manakala pentaksiran terhadap tahap kecekapan pembelajaran pelajar pula ditakrif sebagai mengukur kadar pembelajaran pelajar dalam mencapai objektif pembelajarannya mengikut aras taksonomi Bloom tersebut (Bloom et al. 1971).
- f. Kajian ini memfokus kepada penggunaan alkhawarizmi rambatan balik bagi teknik rangkaian neural yang berperanan untuk melatih corak-corak data latihan dalam KNRB. Alkhawarizmi rambatan balik ini dipilih kerana ia telah terbukti berkesan dalam menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan dengan pengkelasan dan pengecaman corak serta mempunyai keupayaan yang tinggi memperoleh penyelesaian secara optimum (Rumelhart et al. 1986; Fuller 1994; Masters 1994; Lin & Lee 1996; Castillo & Melin 2001; Negnevitsky 2002).

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Berpandukan kepada matlamat kajian, metodologi kajian ini adalah berasaskan kepada proses kejuruteraan maklumat seperti yang dikemukakan oleh Negnevitsky (2000) iaitu:

- a. **Penganalisaan masalah dan tinjauan kajian.**
Satu kerangka kerja kajian dibina berdasarkan tinjauan kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Dengan demikian, entiti-entiti utama kajian dan faktor-faktor mempengaruhi kajian (faktor input dan output) dapat dikenal pasti.
- b. **Perolehan data dan pengetahuan.**
Data-data kajian terbahagi kepada dua yang utama iaitu perolehan pengetahuan pakar domain mata pelajaran, dan perolehan data-data pembelajaran pelajar.

Proses perolehan pengetahuan serta maklumat daripada pakar domain mata pelajaran dilaksanakan secara tinjauan soal selidik dan beberapa siri temuramah. Melalui proses ini, satu senarai kriteria pembelajaran yang harus dicapai pelajar serta tahap-tahap penguasaan dan kecekapan yang akan diukur oleh sistem dapat dikenal pasti. Berdasarkan kepada pengalaman pakar domain mengenai pembelajaran pelajar, pangkalan pengetahuan pakar dibina yang mengandungi petua-petua mengenai kaitan antara tingkah laku pembelajaran pelajar dengan keputusan tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran pelajar. Disamping perolehan pengetahuan daripada pakar domain mata pelajaran, beberapa set soalan latihan dan ujian yang disediakan oleh pensyarah yang mengajar mata pelajaran bahasa pengaturcaraan C telah dikumpulkan sebagai item-item soalan latih tubi. Proses perolehan data-data pembelajaran pelajar dilaksanakan secara simulasi iaitu dengan merekodkan tingkah laku pembelajaran pelajar ketika belajar menerusi modul pembelajaran penguasaan secara latih tubi.

c. **Pembinaan modul penaakulan.**

Suatu modul penaakulan berdasarkan set kabur dibina untuk mentaksir dan mengkelaskan tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran pelajar berdasarkan kepada petua-petua yang ditentukan oleh pakar domain. Petua-petua ini disimpan dalam pangkalan pengetahuan pakar.

d. **Pembinaan pangkalan pengetahuan pakar.**

Satu model kabur-neural rambatan balik (KNRB) dibina untuk membentuk suatu pangkalan pengetahuan pakar yang lengkap (PPPL) yang dijana dengan mengambil kira semua keadaan tingkah laku pembelajaran pelajar serta dengan berasaskan petua daripada pakar domain. Seterusnya satu set corak data latihan dipilih untuk melatih rangkaian neural supaya dapat memberikan keputusan bagi bahagian kesimpulan setiap petua yang dibentuk. Pengujian akan dilaksanakan untuk memastikan pangkalan pengetahuan pakar yang lengkap yang dibangunkan ini dapat mengkelaskan pelajar mengikut kriteria yang ditentukan oleh pakar domain. Jika tidak, proses latih-semula akan dilakukan. Satu model kabur-kasar dibina yang bertujuan untuk mengurangkan saiz pangkalan pengetahuan pakar yang lengkap untuk menghasilkan pangkalan pengetahuan pakar yang ringkas (PPPR). Pengujian

akan dilaksanakan untuk menentukan pangkalan pengetahuan pakar yang ringkas (PPPR) ini yang dapat mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran yang ditentukan oleh pakar domain.

e. Pengujian dan perlaksanaan.

Beberapa uji kaji telah dijalankan untuk menentukan keberkesanannya pangkalan pengetahuan pakar yang dibangunkan, iaitu PPPD, PPPL dan PPPR. Perbandingan hasil penaakulan kabur berdasarkan ketiga-tiga pangkalan pengetahuan pakar (iaitu PPPD, PPPL dan PPPR) dilaksanakan untuk mengukur ketepatan pangkalan pengetahuan pakar ini mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran. Akhirnya, satu kesimpulan akan diberikan dan beberapa cadangan hasil daripada keputusan ujikaji akan disenaraikan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan salah satu usaha untuk menghasilkan suatu model untuk mentaksir pelajar bagi sistem pengajaran dan pembelajaran bantuan komputer secara latih tubi. Dengan mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajarannya, pelajar dapat mengetahui kedudukan pembelajarannya dan berusaha meningkatkan prestasi pembelajaran ke tahap yang lebih baik. Pada masa yang sama, pengajar juga dapat mengetahui status pembelajaran pelajarnya dan boleh merancang tindakan susulan demi untuk memperbaiki strategi penyampaian bahan-bahan pengajarannya.

Kajian ini diharap dapat membantu memberi pemahaman, pendedahan dan gambaran mengenai konsep teknik logik kabur dan bagaimana ia boleh digunakan untuk melaksanakan pentaabiran kabur untuk tujuan pengkelasan.

Dalam pada itu, kajian ini diharap dapat membantu memberi pemahaman, pendedahan dan gambaran mengenai konsep rangkaian neural rambatan balik dan bagaimana kaedah logik kabur boleh digabungkan dengannya untuk menghasilkan suatu keputusan bagi keadaan yang tidak pasti.

Selain daripada itu, kajian ini juga diharap dapat membantu memberikan pemahaman, pendedahan dan gambaran mengenai teori set kasar dan bagaimana petua-petua dalam pangkalan pengetahuan pakar boleh dikurangkan saiznya supaya memperoleh petua yang lebih ringkas dan padat serta dapat menghasilkan keputusan pengkelasan yang memuaskan.

Secara keseluruhannya, dengan memahami keberkesanan pendekatan hibrid, penyelidikan ini diharapkan akan menjadi satu permulaan untuk penyelesaian masalah lain yang berkaitan dengan pentaksiran dan pengkelasan seperti pentaksiran prestasi pensyarah atau penilaian kakitangan.

1.8 RINGKASAN HASIL KAJIAN

Hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan ini ialah:

- a. Penggunaan pendekatan logik kabur didapati berupaya mentaksir dan mengkelaskan pelajar mengikut tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran pelajar seperti yang ditentukan oleh pakar domain. Kajian ini telah memperoleh sebanyak 18 petua daripada pakar domain mata pelajaran mengenai keadaan tingkah laku pembelajaran pelajar dan tahap penguasaan serta tahap kecekapan pembelajaran mereka.
- b. Pendekatan hibrid menerusi kaedah Kabur-Neural Rambatan Balik (KNRB) didapati berupaya menghasilkan suatu pangkalan pengetahuan pakar yang lengkap (PPPL). Hasil kajian mendapati, sebanyak 100% corak data uji telah berjaya ditaksir dan dikelaskan kepada tahap penguasaan dan tahap kecekapan pembelajaran pelajar oleh PPPL yang dibina menerusi pendekatan hibrid ini.
- c. Pendekatan hibrid menerusi kaedah Kabur-Kasar (KK) mampu mengurangkan bilangan petua bagi pangkalan pengetahuan pakar untuk menghasilkan suatu pangkalan pengetahuan pakar yang lebih ringkas (PPPR). Ujikaji mendapati antara 50% hingga 67% bilangan petua telah berjaya dikurangkan daripada pangkalan pengetahuan pakar yang lengkap.
- d. Pendekatan hibrid menerusi KK juga mampu meringkaskan bilangan atribut bahagian syarat petuanya dan ujikaji mendapati antara 19% hingga 33% petua telah berjaya diringkaskan sehingga kepada 1 atribut, antara 8% hingga 11%